

FOKUS

DARI MULAI N33

Membincangkan persediaan awal itu, Pegawai Psikologi, Seksyen Pembangunan Kendiri dan Akademik Bahagian Kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM) Rafidah Sadarudin berkata, sebelum ini kebanyaknya ibu bapa menunggu di sekolah untuk memerhatikan anak.

Sedikit sebanyak perkara ini memberi ketidaksesuaian kepada guru untuk menjalankan tugas mereka.

Katanya, berilah kepentingan kepada guru kerana mereka guru terlatih untuk mendidik anak.

"Insya-Allah mereka (guru) bijak dalam melaksanakan tugas, dato ibu bapa juga ada pada mereka. Jika ada perkara kecemasan mereka akan berhubung dengan ibu bapa dengan kadar segera."

"Percayalah guru akan buat sebaik baik," katanya.

Bagaimanapun, katanya, persediaan ibu dan bapa dari segi emosi dan fizikal perlu diutamakan supaya anak bersedia serta mampu berdikari, merasa suka, teruja atau gembira di sekolah kelak.

Katanya, semakin perasan positif pada anak berkenaan sekolah taitu ibu bapa boleh kongsikan peristiwa manis semasa mula-mula bersekolah dahulu, elakkan bercerita yang negatif dan menakutkan.

Jelannya, ibu bapa boleh ajak anak berjalan di luar kawasan sekolah dalam tempoh seminggu atau sehari sebelum sekolah bermula supaya mereka tahu titilah sekolah yang bakal menjadi tempat menuntut ilmu.

"Malam sebelum sesi persekolahan bermula juga duduk bersama anak dalam



PERANAN guru penting untuk menyesuaikan suasana persekolahan.

'BERILAH KEpercayaan KEPADA GURU'

Persediaan ibu bapa dari segi emosi dan fizikal juga perlu diutamakan

kedaan selesa.

"Minta mereka bayangkan persekolahan esok sebagai hari baik, tenang, jumpa ramai kawan baru, jumpa cikgu baik, belajar perkara baru dan sekolah yang bagus."

"Ini menjadikan mereka sangat seronok atau tidak sabar ke sekolah," katanya.

Katanya, sebagai ibu bapa sebaik-baiknya pastikan anak mahir

dengan perkara asas seperti membaca, menulis dan mengira supaya ketika ujian saringan kelas kelak mereka benar-benar bersedia.

Katanya, sekiranya ada perkara yang guru kelas perlu tahu umpamanya dari segi kesihatan anak, perkara ini perlu dimaklumkan supaya jika berlaku kecemasan pihak sekolah mempunyai maklumat dan bersedia dengan sebarang bantuan.

"Tidak lupa juga, ajar anak untuk kira duit supaya mereka cekap dan tahu berapa baki jika membeli makanan di kantin," katanya.

Sementara itu, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Petaling 2, Kuala Lumpur Razali Muda berkata, tidak salah jika ibu bapa mahu menemani anak pada minggu pertama persekolahan kerana ia memberi peluang kepada mereka melihat

kemampuan anak menyesuaikan diri.


Menurutnya, pihaknya sedia maklum ramai ibu bapa kurang yakin dengan kemampuan anak mereka mengharungi suasana baru di sekolah.

"Sekolah memang beri kelonggaran kepada ibu bapa berada di kawasan sekolah sepanjang minggu pertama sesi persekolahan."

"Ia sebagai tanda perhatian kami untuk meredakan kebimbangan ibu bapa terhadap kemampuan anak mereka dalam aspek pengurusan diri."

"Mereka juga dapat melihat proses pembelajaran dan pengajaran yang perlu ditukar anak masing-masing, sekali gus memahami proses yang perlu diharungi sepanjang sesi persekolahan berlangsung," katanya.

Bagaimanapun, belau mengingatkan kelonggaran



GURU memujuk seorang murid untuk menjawab soalan.



itu perlu diberasi dengan kewajipan tertentu.

"Antaranya, ibu bapa diingarkan tidak mengganggu proses pembelajaran anak ketika di dalam kelas. Ia akan mengganggu konzentrasi guru dan murid lain."

"Namun, secara keseluruhannya ibu bapa sangat memahami. Sekolah juga menyediakan dewan dan kantin untuk ibu bapa sementara menunggu waktu rehat," katanya.

Katanya, antara yang merasakan ibu bapa pada hari pertama persekolahan ialah penyusuan anak terhadap lokasi tertentu seperti bilik darjah, tandas dan kantin.

"Ini antara yang sering diutarak kepada pihak sekolah kerana mereka masih kurang yakin dengan keupayaan anak."

"Untuk itu, kami sudah bersedia awal, antaranya menyediakan ramai guru untuk membantu murid, melekatkan tanda arah dan rujukan tertentu," katanya.

Razali turut memberi pandangan positif kerana kini tidak ramai lagi murid tahun satu menangis atau meragam pada hari pertama persekolahan.

GELAGAT murid menangis perkara normal bagi murid darjah satu.

Tidak lupa juga, ajar anak untuk kira duit supaya mereka cekap dan tahu berapa baki jika membeli makanan di kantin

RAFIDAH

Sekolah memang beri kelonggaran kepada ibu bapa berada di kawasan sekolah sepanjang minggu pertama persekolahan

RAZALI

ANTARA KERISAUAN IBU BAPA:

a. Risau anak beli barang makanan di kantin betulah kiraan duitnya semparkan dia makan?

b. Risau dapatkan anak uruskan diri dan biasakan diri di tandas sekolah, tempat yang baru bagi mereka?

c. Risau anak kena bule. d. Risau anak tidak mampu berdikari e. Risau anak terlepas pengikutkan balik sekolah

f. Risau anak dapat kelas akhir apabila ada ujian saringan kelas

INFO

- Lebih empat juta murid memulakan hari pertama persekolahan 2018 (tahun satu hingga tingkatan 6)

- Tahun satu seramai 446,694

- Tingkatan satu seramai 382,531

- Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (empat dan lima tahun) seramai 207,680

ANTARA gelagat yang mencuri tumpuan pada minggu orientasi.